

25 FEB 1999

MCA - ikrar

MCA BERIKRAR TERUS BERI KERJASAMA DAN SOKONGAN KEPADA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- MCA berikrar akan terus memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata MCA akan meneruskan perjuangan politiknya dengan penuh tanggungjawab, untuk memastikan negara sentiasa dalam keadaan aman dan stabil.

"MCA akan tetap menjadi teman jujur, ikhlas dan setia kepada Umno, MIC, Gerakan dan rakan-rakan seperjuangan yang lain dalam keluarga BN, untuk sama-sama memajukan negara dan menjamin masa depan yang lebih cerah untuk semua," katanya dalam ucapan pada majlis makan malam sempena sambutan ulang tahun Ke-50 MCA, di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini malam ini.

"Banyak negara di dunia, apabila mereka mempunyai pemimpin yang baik, bijak, berpandangan jauh dan prihatin, mereka menyanjungnya, melindunginya, menyokongnya, memberikannya galakan dan tidak membenarkannya berundur.

"Mereka mahukan agar pemimpin seumpama itu terus menerajui negara bagi kepentingan rakyat dan tanah air... dan di Malaysia kita bernasib baik kerana mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir yang menepati ciri-ciri itu, dan semoga beliau akan terus memimpin Malaysia di tahun-tahun akan datang," kata Ling.

Menyingkap kembali peranan dan sumbangan MCA terhadap pembangunan negara secara amnya dan terhadap masyarakat Cina khususnya, Ling berkata anggota MCA boleh berbangga dengan pencapaian parti dalam perkembangan sejarah negara.

"MCA telah berjaya menyatupadukan masyarakat Cina yang berpecah belah ekoran perbezaan dialek, daerah asal dan latar belakang pendidikan.

"MCA juga memainkan peranan positif dalam memberi kepimpinan politik kepada masyarakat Cina dari dahulu hinggalah sekarang," katanya.

Menyorot kembali sejarah penubuhan MCA pada 27 Feb 1949, Ling berkata MCA ditubuhkan oleh sekumpulan pemimpin masyarakat Cina, yang berpandangan jauh dengan tujuan membela nasib masyarakat Cina, yang pada ketika itu tertindas dan terancam oleh penjajah Inggeris dan pengganas komunis.

"Sumbangan serta pengorbanan pemimpin-pemimpin itu termasuk Tun Tan Cheng Lock, Tun H.S. Lee, Tun Leong Yew Koh, Tun Omar Ong Yoke Lin dan Yong Shook Lin, patut disanjung dan dihargai, kerana tanpa sumbangan mereka MCA tidak akan mempunyai asas yang kukuh seperti hari ini," katanya.

--BERNAMA

AKT RI